PRESTASI INDUSTRI SAWIT MALAYSIA – OKTOBER 2026

1. RINGKASAN

- **Stok akhir minyak sawit (PO)** Malaysia pada **Oktober 2026** telah **meningkat** kepada **3.62 juta tan** atau sebanyak **110,609 tan (3.2%)** berbanding dengan 3.51 juta tan pada September 2026. **Stok awal PO yang lebih tinggi** dan **peningkatan pengeluaran MSM** pada **Oktober 2026** telah mendorong kepada **peningkatan stok akhir PO** pada bulan tersebut.

- **Pengeluaran MSM** pada **Oktober 2026 menokok** sebanyak **36,751 tan kepada 2.15 juta tan**, iaitu **kenaikan** sebanyak **1.7%** berbanding dengan pengeluaran pada September 2026.

- **Import PO** telah **menurun** sebanyak **31,856 tan kepada 26,207 tan,** iaitu **berkurangan** sebanyak **54.9%** berbanding bulan sebelumnya.

- **Eksport PO** pada **Oktober 2026** pula telah **meningkat** sebanyak **611,596 tan kepada 1.71 juta tan** atau naik **55.7%** berbanding dengan 1.10 juta tan pada September 2026**. (Rujuk Jadual 1)**

JADUAL 1 : IMBANGAN MINYAK SAWIT MALAYSIA BAGI OKTOBER 2026 - TAN

Petunjuk	Oktober 2026	September 2026	Beza (Tan)	Beza (%)
Stok Awal	3,510,555	2,819,061	691,494	24.5
Pengeluaran	2,153,701	2,116,950	36,751	1.7
Import	26,207	58,064	(31,856)	(54.9)
Jumlah Bekalan	**5,690,463**	**4,994,075**	**696,388**	**13.9**
Eksport	1,708,670	1,097,074	611,596	55.7
Penggunaan Tempatan	360,629	386,446	(25,817)	(6.7)
Jumlah Permintaan	**2,069,299**	**1,483,520**	**585,779**	**39.5**
Stok Akhir	3,621,164	3,510,555	110,609	3.2

2. PENGELUARAN MINYAK SAWIT MENTAH (MSM)

2.1 OKTOBER 2026 BERBANDING SEPTEMBER 2026

Pengeluaran MSM Malaysia pada **Oktober 2026 telah meningkat** sebanyak **1.7%** kepada **2.15 juta tan** berbanding dengan 2.12 juta tan tan pada September 2026 berikutan **peningkatan pengeluaran MSM di kesemua wilayah. (Rujuk Jadual 2)**

- **Pengeluaran MSM** di **Semenanjung Malaysia meningkat kepada 1,153,308 tan,** iaitu **bertambah** sedikit sebanyak **1,204 tan** atau **0.1%** berbanding dengan 1,152,104 tan pada September 2026.

- **Pengeluaran MSM** di **Sabah** turut **mencatatkan kenaikan** sebanyak **32,786 tan** atau **7.2%** kepada **490,546 tan** daripada 457,760 tan pada bulan sebelumnya.

- Begitu juga **Sarawak, pengeluaran** di negeri itu **meningkat** secara marginal kepada **509,847 tan,** iaitu **0.5%** atau **2,761 tan lebih tinggi** berbanding dengan 507,086 tan pada September 2026.

JADUAL 2: PENGELUARAN MSM (TAN)

Wilayah	Oktober 2026	September 2026	Beza		Januari – Oktober		Beza	
			Kuantiti	%	2026	2025	Kuantiti	%
Sem. Malaysia	**1,153,308**	1,152,104	1,204	0.1	**9,186,555**	9,374,076	(187,521)	(2.0)
Sabah	**490,546**	457,760	32,786	7.2	**3,770,027**	3,536,257	233,770	6.6
Sarawak	**509,847**	507,086	2,761	0.5	**3,945,856**	3,608,083	337,773	9.4
MALAYSIA	**2,153,701**	**2,116,950**	**36,751**	**1.7**	**16,902,438**	**16,518,416**	**384,022**	**2.3**

Faktor **kenaikan pengeluaran MSM** Malaysia pada Oktober 2026 berbanding dengan September 2026 adalah seperti berikut:

i. Peningkatan Kuantiti Tandan Buah Segar Yang Diproses

Tandan buah segar (TBS) yang diproses oleh kilang-kilang buah kelapa sawit di Malaysia pada **Oktober 2026 meningkat** kepada **10.59 juta tan,** iaitu **naik** sebanyak **136,097 tan** atau **1.3%** berbanding dengan 10.45 juta tan pada September 2026. Kenaikan ini adalah ekoran daripada peningkatan kuantiti TBS yang diproses di **wilayah Sabah dan Sarawak**. **(Rujuk Jadual 3)**

- **TBS yang diproses** oleh kilang buah kelapa sawit di **Sabah meningkat** sebanyak **137,079 tan** atau **6.4%** kepada **2.29 juta tan** daripada 2.15 juta tan.

- **TBS yang diproses** oleh kilang buah kelapa sawit di **Sarawak** turut mencatatkan **peningkatan** yang sederhana sebanyak **10,926 tan** atau **0.4%** kepada **2.55 juta tan** daripada 2.54 juta tan.

- Sementara itu, **TBS yang diproses** oleh kilang buah kelapa sawit di **Semenanjung Malaysia** telah **menurun** sedikit sebanyak **11,908 tan** atau **0.2%** kepada **5.75 juta tan** daripada 5.76 juta tan.

JADUAL 3 : TANDAN BUAH SEGAR (TBS) DIPROSES – TAN

Wilayah	Oktober 2026	September 2026	Beza		Januari – Oktober		Beza	
			Kuantiti	%	2026	2025	Kuantiti	%
Sem. Malaysia	**5,745,085**	5,756,993	(11,908)	(0.2)	**46,160,481**	47,976,466	(1,815,985)	(3.8)
Sabah	**2,290,940**	2,153,861	137,079	6.4	**17,903,725**	17,520,854	382,871	2.2
Sarawak	**2,550,985**	2,540,059	10,926	0.4	**20,042,848**	18,554,290	1,488,558	8.0
MALAYSIA	**10,587,010**	**10,450,913**	**136,097**	**1.3**	**84,107,054**	**84,051,610**	**55,444**	**0.1**

3. STOK MINYAK SAWIT

3.1 OKTOBER 2026 BERBANDING SEPTEMBER 2026

Stok akhir minyak sawit (PO) pada bulan **Oktober 2026 naik** sebanyak **110,609 tan** atau **3.2%** kepada **3.62 juta tan** daripada **3.51 juta** tan yang dicatatkan pada September 2026. (**Rujuk Jadual 1 dan Jadual 4)**

Peningkatan stok PO pada Oktober 2026 adalah disebabkan oleh **stok awal PO yang lebih tinggi sebanyak 24.5%** (691,494 tan) dan **peningkatan pengeluaran MSM sebanyak 1.7%** (36,751 tan) pada bulan tersebut berbanding September 2026.

Stok akhir MSM pada **Oktober 2026** adalah sebanyak **2.32 juta tan, naik** sebanyak **161,379 tan** atau **7.5%** berbanding dengan stok pada September 2026 sebanyak 2.16 juta tan. Jumlah ini mewakili **64.2%** daripada jumlah keseluruhan stok PO pada bulan tersebut.

Sementara itu, **stok akhir minyak sawit terproses (PPO)** adalah **1.30 juta tan, berkurangan** sebanyak **50,770 tan** atau **3.8%** berbanding dengan 1.35 juta tan pada September 2026. Jumlah ini mewakili **35.8%** daripada jumlah keseluruhan stok PO pada Oktober 2026.

JADUAL 4: STOK PO MALAYSIA (TAN)

Wilayah / Produk	Oktober 2026	September 2026	Beza		Oktober 2025	Beza	
			Kuantiti	(%)		Kuantiti	(%)
MINYAK SAWIT MENTAH (MSM)							
S. M'sia	1,099,657	1,031,783	67,874	6.6	719,595	380,062	52.8
Sabah	663,939	577,387	86,552	15.0	425,979	237,960	55.9
Sarawak	560,615	553,662	6,953	1.3	336,991	223,624	66.4
JUMLAH MSM	**2,324,211**	**2,162,832**	**161,379**	**7.5**	**1,482,565**	**841,646**	**56.8**
MINYAK SAWIT DIPROSES (PPO)							
S. M'sia	814,601	884,828	(70,227)	(7.9)	648,511	166,090	25.6
Sabah	281,261	240,981	40,280	16.7	222,016	59,245	26.7
Sarawak	201,091	221,914	(20,823)	(9.4)	155,304	45,787	29.5
JUMLAH PPO	**1,296,953**	**1,347,723**	**(50,770)**	**(3.8)**	**1,025,831**	**271,122**	**26.4**
JUMLAH MINYAK SAWIT (PO)							
S. M'sia	1,914,258	1,916,611	(2,353)	(0.1)	1,368,106	546,152	39.9
Sabah	945,200	818,368	126,832	15.5	647,995	297,205	45.9
Sarawak	761,706	775,576	(13,870)	(1.8)	492,295	269,411	54.7
JUMLAH STOK PO	**3,621,164**	**3,510,555**	**110,609**	**3.2**	**2,508,396**	**1,112,768**	**44.4**

4. EKSPORT

4.1 **Hampir keseluruhan eksport produk berasaskan sawit** pada **Oktober 2026** mencatatkan **peningkatan**, **kecuali minyak isirung sawit** telah merekodkan penurunan berbanding pada September 2026. **(Rujuk Jadual 5)**

JADUAL 5 : PRESTASI EKSPORT MINYAK SAWIT DAN PRODUK SAWIT (TAN)

Produk Sawit	Oktober 2026	September 2026	Beza		Sebab-sebab naik / turun
			Kuantiti	%	
Minyak Sawit	1,708,670	1,097,074	611,596	55.8	Peningkatan permintaan dari India, Tanzania, Pakistan, Vietnam, Oman dan Türkiye. (Rujuk Jadual 7)

Minyak Isirung Sawit	73,395	74,865	(1,470)	(2.0)	Pengurangan permintaan terutamanya dari China sebanyak 8,404 tan (37.3%).
Dedak Isirung Sawit	248,305	181,387	66,918	36.9	Pertambahan permintaan terutamanya dari New Zealand sebanyak 52,884 tan (70.1%).
Oleokimia Berasaskan Sawit	322,708	240,351	82,356	34.3	Lonjakan permintaan dari: • Kesatuan Eropah sebanyak 45,510 tan (71.3%); • Amerika Syarikat sebanyak 17,112 tan (2.3 kali ganda) dan • China sebanyak 6,625 tan (13.1%).
Biodiesel	5,406	2,930	2,476	84.5	Kenaikan permintaan terutamanya dari United Kingdom sebanyak 4,963 tan (128.3 kali ganda).

4.2 Prestasi **eksport minyak sawit** dan sebab-sebab **peningkatan / penurunan** ke negara pasaran terpilih adalah seperti di **Jadual 6** dan di muka surat **4 & 5.**

JADUAL 6 : PRESTASI EKSPORT MINYAK SAWIT (TAN)

Pasaran	Oktober 2026	September 2026	Beza	
			Kuantiti	%
India	523,255	322,995	200,259	62.0
Tanzania	105,988	3,569	102,420	29.7 F
Pakistan	64,259	17,927	46,332	3.6 F
Vietnam	74,681	31,449	43,233	2.4 F
Oman	43,645	2,185	41,460	20.0 F
Türkiye	84,638	49,755	34,883	70.1
Kenya	81,394	105,347	(23,953)	(22.7)
Korea Selatan	25,463	47,162	(21,699)	(46.0)
Sudan	5,323	21,998	(16,675)	(75.8)
Afrika Selatan	5,192	21,031	(15,839)	(75.3)
Mozambique	14,594	23,436	(8,842)	(37.7)
Djibouti	7,719	13,972	(6,253)	(44.8)

Nota: F – kali ganda

- **India** - Eksport minyak sawit Malaysia meningkat didorong oleh keperluan untuk meningkatkan stok minyak sayuran domestik berikutan permintaan yang lebih tinggi susulan menjelang musim perayaan Deepavali serta peralihan kepada minyak sawit berikutan pengurangan bekalan minyak bunga matahari akibat gangguan bekalan dari rantau Laut Hitam.

- **Tanzania dan Oman** - Keperluan meningkatkan stok minyak sayuran domestik berikutan paras import yang rendah pada bulan sebelumnya telah mendorong peningkatan eksport minyak sawit Malaysia.

- **Pakistan** - Peningkatan eksport minyak sawit Malaysia dilihat sejajar dengan aktiviti pengisian semula inventori berikutan penyusutan stok minyak makan, di samping peningkatan daya saing harga minyak sawit berbanding minyak kacang soya. Kebergantungan berterusan Pakistan terhadap import minyak makan turut menyokong permintaan.

- **Vietnam** - Pengukuhan eksport minyak sawit susulan peningkatan aktiviti pengumpulan stok domestik berikutan jumlah import yang rendah pada bulan September. Di samping itu, ketersediaan minyak sawit Malaysia yang lebih baik serta harga yang lebih kompetitif sepanjang bulan Oktober.

- **Türkiye** - Kenaikan eksport minyak sawit didorong oleh penurunan import kacang soya bagi aktiviti pelumatan, sebanyak 53.1% kepada 0.15 juta tan pada September 2026 berbanding 0.32 juta tan direkodkan pada Ogos 2026.

- **Kenya dan Sudan** - Bekalan minyak sayuran yang mencukupi berikutan import yang tinggi pada bulan sebelumnya telah mendorong penurunan eksport minyak sawit Malaysia.

- **Korea Selatan** - Eksport minyak sawit Malaysia menyusut didorong oleh peningkatan ketersediaan dan penggunaan minyak bijian pesaing di pasaran domestik, berikutan import minyak kacang soya meningkat sebanyak 6.5% kepada 141,300 tan bagi tempoh Julai-September 2026 berbanding 132,700 tan direkodkan pada tempoh sama 2025.

- **Afrika Selatan** - Penurunan eksport minyak sawit didorong oleh peningkatan ketersediaan minyak bijian pesaing di pasaran domestik, berikutan pengeluaran minyak dan lemak meningkat sebanyak 12% kepada 1.06 juta tan bagi tempoh Oktober-September 2025/2026 berbanding 944,000 tan pada Oktober-September 2024/2025.

- **Mozambique** - Penyusutan eksport minyak sawit berikutan peningkatan ketersediaan minyak sayuran pesaing di pasaran tempatan, disebabkan oleh import minyak kacang soya dari Argentina yang melonjak 2.5 kali ganda kepada 35,000 tan pada September 2026 berbanding 14,000 tan pada Ogos 2026.

- **Djibouti** - Pengurangan eksport minyak sawit disebabkan oleh kelembapan permintaan transit dan eksport semula ke pasaran Ethiopia serta fasa pengurangan stok selepas perolehan yang tinggi pada bulan sebelumnya.

4. IMPORT

Import minyak sawit menyusut sebanyak 54.9% manakala **import minyak isirung sawit pula meningkat sebanyak 15.6%** berbanding September 2026. **(Rujuk Jadual 7)**.

JADUAL 7 : PRESTASI IMPORT PRODUK SAWIT – TAN

Produk Sawit	Oktober 2026	September 2026	Beza	
			Kuantiti	%
Kuantiti (Tan)				
Minyak Sawit	26,207	58,064	(31,856)	(54.9)
Minyak Isirung Sawit	9,378	8,110	1,269	15.6

Penurunan import minyak sawit adalah disebabkan oleh peningkatan pengeluaran minyak sawit mentah sebanyak 1.7% kepada 2.15 juta tan serta paras stok yang tinggi iaitu 3.62 juta tan pada Oktober 2026.

5. PRESTASI HARGA TANDAN BUAH SEGAR (TBS) PADA KPM 1% - OKTOBER 2026

Harga TBS pada KPM 1% telah **menurun** sebanyak **6.60% atau RM3.33 kepada RM47.11 pada Oktober 2026** berbanding RM50.44 pada September 2026:

Penurunan harga TBS adalah disebabkan oleh:

i. Penyusutan harga minyak sawit mentah (MSM). Harga MSM telah menyusut sebanyak 4.5% atau RM209.00 kepada RM4,405.50 satu tan pada Oktober 2026 berbanding RM4,614.50 satu tan pada September 2026.

ii. Kemerosotan harga isirung sawit (PK). Harga PK telah merosot sebanyak 18.1% atau RM653.00 kepada RM2,961.00 satu tan pada Oktober 2026 berbanding RM3,614.00 satu tan pada September 2026.

Bahagian Ekonomi & Pembangunan Industri (EID)
10 November 2026